

[THE ABOLITION OF THE JANISSARY CORPS: MAHMUD II'S MILITARY REFORMS IN THE OTTOMAN MILITARY]

PENGHAPUSAN KOR JANISSARI: REFORMASI KETENTERAAN MAHMUD II DALAM KETENTERAAN UTHMANIYAH]

Muhammad Zharif Baharudin
zharifbaha@gmail.com
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ermy Azziaty Rozali
ermy@ukm.edu.my (Corresponding Author)
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Penghapusan Kor Janissari oleh Sultan Mahmud II pada tahun 1826 merupakan antara detik terpenting dalam sejarah ketenteraan Islam yang menandakan permulaan era baharu dalam struktur dan budaya ketenteraan Uthmaniyyah melalui peristiwa *Vakayi hayriye*. Kor Janissari yang dahulu menjadi simbol kekuatan tentera Uthmaniyyah akhirnya menjadi penghalang pembaharuan dan mengancam kestabilan politik kerajaan. Kebangkitan tentera moden di Eropah mendorong Sultan Mahmud II memodenkan angkatan tenteranya berinspirasi sistem *Nizam-i Cedid* yang diperkenalkan oleh Sultan Selim III. Objektif utama kajian ini ialah menelusuri punca penghapusan, menilai proses perubahan dan menganalisis hasil daripada transformasi tersebut. Bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif yang meneliti secara kritis dokumen dan teks sejarah melalui lensa kritikan dalaman serta kritikan luaran yang relevan. Dapatan kajian menghujahkan bahawa Mahmud II berjaya menyemarakkan dan menyalurkan semangat *Nizam-i Cedid* sebagai landasan pembaharuan dalam tadbir urus ketenteraan Uthmaniyyah pada abad ke-19M. Melalui penubuhan *Asakir-i Mansure-i Muhammadiye* serta penghapusan Janissari pada tahun 1826, Mahmud II menstrukturkan semula hierarki sosial tentera, memperkukuh kawalan fiskal, dan melakar bentuk pemerintahan baharu yang merangka kesetiaan masyarakat berlandaskan perpaduan tradisi Islam dengan tuntutan moden era tersebut. Justeru, menyingkap dimensi kompleks interaksi antara tradisi dan inovasi serta memperlihatkan bagaimana proses pembaharuan institusi dan sosial di dunia Uthmaniyyah boleh difahami sebagai refleksi perubahan politik dan ekonomi yang lebih luas dalam dunia Asia Barat dalam membentuk kerangka pemikiran kontemporari dalam kajian sejarah, geopolitik dan ekonomi serantau.

Kata Kunci: Janissari, Mahmud II, Vakayi Hayriye, Nizam-i Cedid.

Abstract

The abolition of the Janissary Corps by Sultan Mahmud II in 1826 is one of the most important moments in Islamic military history, marking the beginning of a new era in the structure and culture of the Ottoman military through the *Vakayi hayriye* event. The Janissary Corps, which had previously been a symbol of Ottoman military strength, eventually became an obstacle to reform and a threat to the political stability of the government. The rise of modern armies in Europe prompted Sultan Mahmud II to modernize his military forces, inspired by the *Nizam-i Cedid* system introduced by Sultan Selim III. The main objectives of this study are to trace the causes of the abolition, assess the process of change, and analyze the results of the transformation. For the data analysis method, this study employs a descriptive approach that critically

examines historical documents and texts through the lens of both internal and external critique. The findings of the study emphasize that Mahmud II successfully revitalized and channeled the spirit of the Nizam-i Cedid as a foundation for reforming the Ottoman military administration in the 19th century CE. Through the establishment of the Asakir-i Mansure-i Muhammadiye and the abolition of the Janissaries in 1826, Mahmud II restructured the social hierarchy of the military, strengthened fiscal control and forged a new form of governance that anchored societal loyalty in the integration of Islamic tradition with the modern demands of the era. Consequently, this study illuminates the complex dimensions of interaction between tradition and innovation, demonstrating how the process of institutional and social reform in the Ottoman realm can be understood as a reflection of broader political and economic transformations in West Asia, thereby contributing to the framework of contemporary thought in historical, geopolitical and regional economic studies.

Keywords: Janissaries, Mahmud II, Vakayi Hayriye, Nizam-i Cedid.

Article Received:
18 July 2025

Article Reviewed:
24 November 2025

Article Published:
5 December 2025

PENGENALAN

Kor Janissari merupakan salah satu institusi ketenteraan yang paling terkenal dalam sejarah Islam dan memainkan peranan penting dalam kebangkitan serta kestabilan Kerajaan Uthmaniyah selama beberapa abad. Garapan Shaw dan Shaw (1977) menyatakan, Institusi ini ditubuhkan oleh Sultan Murad I pada abad ke-14M sebagai sebahagian daripada sistem *devshirme*, di mana pemuda bukan Islam terutamanya dari Balkan diambil kemudian diislamkan dan dilatih dilatih menjadi tentera elit (Qi, 2022). Latihan yang diterima oleh anggota Kor Janissari tidak hanya menumpukan kepada kemahiran ketenteraan, tetapi juga melibatkan pendidikan Islam dan pembentukan moral, menjadikan mereka salah satu pasukan tempur yang paling dihormati pada era tersebut. Selain daripada menjadi tulang belakang kepada kejayaan ketenteraan Uthmaniyah, Kor Janissari juga terlibat dalam politik kerajaan dan sering kali mempengaruhi pelantikan dan penurunan sultan. Hal ini menunjukkan betapa mendalamnya pengaruh mereka dalam struktur pentadbiran Kerajaan Uthmaniyah ketika itu.

Kor Janissari dikenali kerana kecekapan dan keberanian mereka di barisan hadapan dalam pertempuran seperti penaklukan Konstantinopel pada tahun 1453 (Ibrahim & Rozali, 2017; Philippides, 2020). Penaklukan ini bukan sahaja mengubah secara signifikan landskap geopolitik dunia Islam, malah sering ditafsir sebagai pelaksanaan hadis Nabi Muhammad SAW yang meramalkan penawanan kota Konstantinopel oleh umat Islam, serta memuji pemimpinnya sebagai 'sebaik-baik raja' dan tenteranya sebagai 'sebaik-baik tentera' (Nurdin, 2022). Namun, dari sebuah pasukan yang dikenali sebagai simbol kekuatan dan kebanggaan Kerajaan Uthmaniyah, akhirnya berubah menjadi beban apabila disiplin merosot dan pengaruh politik mereka meningkat, sehingga mengancam kestabilan kerajaan melalui penentangan terhadap reformasi dan pemberontakan yang berulang (Bicer 2022).

Sultan Mahmud II mengilhami inspirasi daripada sistem *Nizam-i Cedid* yang diperkenalkan oleh Sultan Selim III sebagai usaha awal memodenkan ketenteraan Uthmaniyyah berasaskan model Eropah. Namun, menurut Hashim dan Rozali (2014) kegagalan Selim III akibat tantangan Kor Janissari menjadi pengajaran penting kepada Mahmud II, yang kemudiannya merancang strategi lebih sistematik dan tegas dalam menangani Kor Janissari tersebut secara menyeluruh. Peristiwa *Vakayi Hayriye* pada tahun 1826 menandakan penghapusan Kor Janissari dan permulaan pemodenan ketenteraan di bawah Sultan Mahmud II. Penggantian dengan *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* mencerminkan usaha membentuk angkatan tentera moden berasaskan disiplin dan kecekapan model Barat khususnya Perancis dan Austria (Sunar, 2022). Pasukan

baharu ini dilatih secara berpusat, memakai uniform rasmi dan dilengkapi senjata moden, menjadi lambang transformasi ketenteraan dan legitimasi negara moden (Güney & Onhan, 2020), Walaupun Sultan Bayezid II telah memodenkan pasukan tentera darat dan tentera laut Uthmaniyyah khasnya melalui penggunaan senjata api pada sekitar abad ke-15M (Mughni et al., 2023).

Implikasi pemansuhan Kor Janissari melangkaui aspek ketenteraan, dengan mengukuhkan kuasa mutlak Sultan Mahmud II serta melemahkan pengaruh institusi lama seperti ulamak konservatif dan ayan. Langkah ini turut mencetuskan proses sekularisasi awal apabila kuasa birokrasi dialihkan kepada pegawai pentadbiran moden (Bicer 2022 & al-Muḥāmī, 2018). Dari segi sosial, ia mengubah corak mobiliti sosial dengan menekankan kepentingan pendidikan teknikal dan birokratik. Reformasi ini juga membuka jalan kepada penubuhan institusi moden seperti *Mekteb-i Harbiye*, yang menjadi asas kepada pembentukan negara bangsa Turki pada abad ke-20M (Yaycioglu, 2016). Kajian ini meneliti proses pemansuhan Kor Janissari, faktor-faktor yang mendorongnya, serta kesannya terhadap struktur sosial, politik dan ketenteraan Kesultanan Uthmaniyyah. Penulisan ini turut mengkaji bagaimana langkah tersebut menjadi sebahagian daripada usaha pemodenan Sultan Mahmud II dalam memperkukuh kuasa pusat di tengah perubahan sosial dan geopolitik abad ke-19M. Pemansuhan ini bukan sahaja menamatkan satu era ketenteraan, malah membuka ruang kepada reformasi besar negara yang memastikan kelangsungan Uthmaniyyah dalam menghadapi cabaran moden.

METODOLOGI

Penelitian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan deskriptif dan analitis secara sistematik untuk meneliti faktor-faktor yang mendorong penghapusan Kor Janissari serta kesan strategik dan institusinya terhadap transformasi ketenteraan Uthmaniyyah pada abad ke-19M. Pengumpulan data dijalankan melalui kajian perpustakaan dan carian dalam talian yang merangkumi sumber sekunder termasuk artikel jurnal, buku ilmiah dan sebagainya. Kaedah induktif digunakan bagi mengenal pasti pola perubahan dalam aspek ketenteraan Uthmaniyyah, manakala kaedah deduktif diaplikasikan untuk menilai keberkesanan reformasi yang dilaksanakan selepas peristiwa *Vakayi Hayriye*. Analisis ini membolehkan pemahaman yang menyeluruh terhadap kesinambungan antara gagasan awal *Nizam-i Cedid* dan visi reformasi Mahmud II.

SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan penelitian terhadap pelbagai penulisan ilmiah seperti artikel jurnal, tesis, dan buku, didapati bahawa terdapat banyak kajian yang membincangkan transformasi ketenteraan semasa pemerintahan Sultan Mahmud II. Kajian ini memberi tumpuan khusus terhadap reformasi ketenteraan yang diperkenalkan oleh Sultan Mahmud II, termasuk pengaruh awal sistem *Nizam-i Cedid*, pelaksanaan peristiwa *Vakayi Hayriye*, serta usaha-usaha pemodenan ketenteraan yang lebih menyeluruh pada abad ke-19M. Oleh itu, tinjauan literatur ini akan memfokuskan kepada tiga komponen utama.

Sistem Ketenteraan Nizam-i Cedid

Berdasar Penulisan oleh Yılmaz (2024) bertajuk *Sultan'ın Mutlakıyeti ve Müttelikleri: Nizam-ı Cedid Dönemi Üzerine Bir İnceleme* menghuraikan bagaimana gerakan *Nizam-ı Cedid* bukan sekadar usaha pembaratan institusi ketenteraan, tetapi merupakan satu strategi politik yang bertujuan mengukuhkan semula kuasa mutlak Sultan dengan sokongan sekutu-sekutu dalam

struktur politik Uthmaniyyah. Yılmaz menekankan bahawa transformasi ini tidak sepenuhnya memutuskan hubungan dengan ideologi politik era klasik sebaliknya mencari keseimbangan antara unsur tradisional dan pembaharuan. Reformasi ketenteraan Sultan Mahmud II merupakan kesinambungan kepada gagasan *Nizam-ı Cedid* yang diasaskan pada akhir abad ke-18M. Meskipun usaha awal itu gagal, prinsip pemodenan ketenteraan dan pengurangan pengaruh tradisional dihidupkan semula oleh Mahmud II melalui pemansuhan Kor Janissari dan penubuhan angkatan tentera yang lebih moden dan tersusun. Justeru, penulisan Yılmaz (2024) memberikan landasan teoritikal yang signifikan untuk memahami bagaimana Mahmud II meneruskan agenda transformasi ketenteraan berdasarkan asas yang telah dibentuk sebelumnya.

Selain itu, Yaycioglu (2016) dalam karyanya *Partners of the Empire: The Crisis of the Ottoman Order* menghujah bahawa *Nizam-ı Cedid* memperkenalkan beberapa pembaharuan revolusi dalam pentadbiran kerajaan uthmaniyah. Antaranya, membawa kepada penubuhan kor ketenteraan baharu yang dilatih menggunakan teknik dan taktik Eropah moden. Kedua, memperkenalkan sistem percukaian baharu untuk membiayai pembaharuan ketenteraan. Ketiga, ia membawa kepada perdagangan dan penggunaan teknologi ketenteraan Eropah secara meluas. Jadi sistem yang diperkenalkan bukan hanya sekadar dalam ketenteraan sahaja, malah berkait rapat dalam pemodenan pentadbiran kerajaan.

Vakayi Hayriye dan Implikasinya dalam Ketenteraan Uthmaniyyah

Hasil inspirasi daripada *Nizam-ı Cedid*, Sultan Mahmud II mengambil langkah yang berani dan strategik untuk mewujudkan *Vakayi Hayriye* pada 1826, iaitu gerakan besar yang bertujuan menghapuskan Kor Janissari secara keseluruhan yang semakin korup dan menjadi ancaman kepada kestabilan politik dalam pentadbiran. Bicer (2022) dalam bukunya *Vakayi Hayriye Sonrası Bazı Yeniçeri Faaliyetleri v Alınan Önlemler* berpendapat bahawa Sultan Mahmud II mengatur gerakan ini dengan teliti untuk memastikan sisa-sisa pengaruh Kor Janissari dapat dikawal dan dihapuskan sepenuhnya, kerana mereka telah lama menjadi entiti yang berpengaruh dalam politik kerajaan dan sering kali terlibat dalam pergaduhan kuasa. Garapan Turan (2024) dalam karyanya *Arnavutluk İsyanlarının Bastırılmasında Asakir-i Mansure-i Muhammediye'nin Rolü* mengetengahkan pembentukan pasukan baharu *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* bertujuan menggantikan peranan Kor Janissari yang telah dimansuhkan, di samping memainkan peranan penting dalam menangani cabaran ketenteraan semasa dan usaha pemulihan kekuatan angkatan tentera Uthmaniyyah. Ini menunjukkan proses pemodenan tidak hanya melibatkan perubahan dalam struktur ketenteraan tetapi juga perubahan dalam mentaliti dan budaya ketenteraan yang mendasari operasi pasukan.

Menurut Bicer (2022), pemansuhan Kor Janissari oleh Sultan Mahmud II pada tahun 1826, atau dikenali *Vakayi Hayriye*, merupakan salah satu titik perubahan utama dalam sejarah Uthmaniyyah yang bertujuan untuk menghapuskan pengaruh politik dan ketenteraan Kor Janissari yang telah lama berakar umbi dalam dinamika politik. Dengan penghapusan Kor Janissari oleh Mahmud II mengakhiri pengaruh politik mereka sekaligus membuka jalan kepada pembaharuan ketenteraan yang lebih moden dari pelbagai aspek. Karya *Tārīkh al-Dawlah al-'Aliyyah al-'Uthmāniyyah*, al-Muḥāmī (2018) berpendapat bahawa peristiwa penghapusan Kor Janissari merupakan langkah kritikal yang mencerminkan keberanian Sultan Mahmud II dalam menamatkan era ketenteraan tradisional yang semakin usang. Tindakan ini menjadi simbol keberanian politik dan ketenteraan baginda dalam usaha memodenkan pentadbiran dan memperkuat struktur pemerintahan Uthmaniyyah pada tahun 1826. al-Muḥāmī (2018) menekankan bahawa keputusan ini bukan sahaja mencerminkan perubahan struktur ketenteraan, tetapi juga menandakan transisi sosial yang lebih luas dalam masyarakat Uthmaniyyah, di mana struktur kekuasaan lama diubah dan digantikan dengan elemen-elemen baru yang lebih selaras dengan peredaran zaman. Penghapusan Kor Janissari oleh Mahmud II bukan sahaja

menamatkan ancaman dalaman, malah juga mengalihkan kuasa kepada kepimpinan berwawasan yang mendorong pemodenan kerajaan, termasuk dalam aspek ekonomi.

Di samping itu, Kajian oleh Guney dan Onhan (2020) dalam artikelnya yang bertajuk *Abolition of Janissary Corps and Socioeconomic Reflections* turut membahaskan implikasi sosio-ekonomi yang timbul selepas *Vakayi Hayriye*. Penghapusan Kor Janissari membawa perubahan besar dalam struktur sosial, terutama di kawasan seperti Istanbul, di mana pengaruh politik dan sosial Janissari dahulunya amat kuat. Menurut Shaw dan Shaw (1977), Pembubaran Kor Janissari dan penubuhan *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* oleh Sultan Mahmud II merupakan langkah tegas ke arah pembinaan angkatan tentera moden yang lebih berpusat dan teratur. Peristiwa ini turut memperkenalkan lapisan sosial baharu, apabila birokrat dan pegawai tentera moden mula memainkan peranan penting dalam struktur kuasa kerajaan. Garapan Sunar (2022) dalam *Chasing Janissary Ghosts: Sultan Mahmud II's Paranoia About a Janissary Uprising After the Abolition of the Janissary Corps* bahawa Sultan Mahmud II menunjukkan kepekaan strategik terhadap kemungkinan pengaruh Janissari kembali mengancam kestabilan pasca-pemansuhan kor tersebut. Kebimbangan terhadap saki-baki jaringan lama mendorong beliau merancang langkah-langkah lanjut dalam memperkukuh kuasa pusat. Hal ini membuktikan bahawa pemodenan ketenteraan di bawah Mahmud II bukan sahaja mencakupi aspek ketenteraan semata-mata, tetapi turut membawa perubahan besar terhadap struktur sosial dan ekonomi dalam masyarakat Uthmaniyyah.

Pemodenan Ketenteraan Uthmaniyyah

Transformasi ketenteraan Sultan Mahmud II selepas penghapusan Kor Janissari membawa pengaruh besar terhadap pemodenan ketenteraan di Uthmaniyyah. Menurut Stephanov (2019) dalam *Ruler visibility and popular belonging in the Ottoman Empire, 1808-1908* mengemukakan bahawa langkah ini bukan sahaja menguatkan ketenteraan tetapi juga memperkukuhkan legitimasi dan keterlihatan Sultan Mahmud II sebagai pemimpin moden di hadapan rakyat. Penubuhan *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* oleh Sultan Mahmud II adalah bertujuan untuk memastikan tiada unsur pemberontakan dalam struktur ketenteraan baharu ini. Dalam konteks ini, Sahin (2019) dalam *An assesment of the employed foreign experts of asakir-i mansure-i muhammediyye* menekankan bagaimana penggunaan pakar asing dalam latihan dan pemodenan tentera baru ini membantu dalam membentuk struktur tentera yang lebih efisien dan profesional.

Dari aspek teknologi, Griffiths (2016) dalam *Military Modernization in the Ottoman Empire, 1800-1850* telah merekodkan beberapa pembaharuan penting dalam struktur ketenteraan. Tentera baharu yang dibentuk semasa tempoh tersebut telah dilengkapi dengan senjata api moden dan artileri moden, menjadikan mereka lebih berdaya saing dalam pertempuran. Selain itu, infrastruktur ketenteraan turut dipertingkatkan; antara langkah yang diambil termasuklah pembinaan barak-barak moden untuk menempatkan tentera dan penubuhan akademi ketenteraan seperti *tophane-i amire* yang bertujuan melatih anggota secara lebih formal dan sistematik dalam kerajaan Uthmaniyah. Hal ini selaras dengan penekanan Çelik (2018) dalam *Mahmud II Devrinde İdari-Askeri Bir Üs: Rami Kışlası*, yang menunjukkan pembentukan *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* dan pembinaan barak moden yang dikenali sebagai *Rami Kışlası* memainkan peranan sebagai pusat pentadbiran dan pangkalan strategik bagi memastikan ketenteraman dan moral tentera semasa konflik dengan Rusia.

Selain itu, Karahan (2022) dalam *Osmanlı Denizcilik Teknolojisinin Modernizasyonuna Yönelik Atılan Bir Adım: Mahmud II Döneminde Tersane-i Amire'de 'Havz-ı Cedid' İnşası* memperlihatkan bagaimana Mahmud II memodenkan angkatan laut dengan dermaga kering baru di *Tersane-i Amire* sebagai sebahagian daripada pemodenan teknologi maritim Uthmaniyyah selepas pertempuran Chesma (1770). Di samping pembaharuan dalam ketenteraan darat dan laut, reformasi semasa pemerintahan Mahmud II turut melibatkan pembaharuan dalam aspek pendidikan ketenteraan. Aksu (2019) dalam *Mekteb-i Harbiye Nazırı Miralay Azmi Bey'in Yabancı*

Kaynaklar Bağlamında Hayatı ve Faaliyetleri menggariskan peranan penting *Mekteb-i Harbiye* sebagai institusi pendidikan yang mengutamakan disiplin ketenteraan moden. Sarjana Sarıköse (2017) dalam *Establishment of the Mukhtar Organization in Safranbolu during the Reign of Sultan Mahmud II*, menyatakan bahawa pembaharuan pentadbiran yang berlaku semasa pemerintahan Mahmud II turut menyumbang kepada penyusunan semula ketenteraan.

SINTESIS DAPATAN KAJIAN

Perlaksanaan oleh Sultan Mahmud II melalui peristiwa *Vakayi Hayriye*, bukan hanya satu langkah drastik untuk menghapuskan ancaman dalaman tetapi juga simbol transformasi kerajaan Uthmaniyah ke arah pemodenan yang lebih menyeluruh. Menurut garapan Sarıköse (2017), Sultan Mahmud II melihat Kor Janissari sebagai penghalang utama kepada reformasi yang lebih besar, khususnya dalam aspek ketenteraan dan pentadbiran, kerana mereka sering menggunakan kuasa mereka untuk menghalang perubahan yang dianggap menggugat kedudukan mereka. Sultan Mahmud II melaksanakan pembaharuan melalui pendekatan bertahap dan strategik, dengan menekankan perancangan rapi bagi memastikan kelangsungan dan penerimaan terhadap agenda pemodenan yang diperkenalkannya.

Fasa pertama melibatkan pembinaan asas politik dan sosial yang kukuh melalui beberapa langkah utama. Dalam hal ini, Sultan Mahmud II membina sokongan dalam kalangan ulama melalui konsultasi berterusan dan penekanan pada aspek keagamaan dalam pembaharuan. Aksan (2007) menyatakan Sultan Mahmud II berjaya mendapatkan fatwa ulamak yang mengharuskan pembaharuan ketenteraan dan mengesahkan tindakan terhadap Janissari yang memberontak. Kedua, baginda membina rangkaian sokongan dalam kalangan elit pentadbiran dan golongan pedagang (Guney & Onhan, 2020). Sultan Mahmud II menggunakan jawatan pentadbiran untuk membina sokongan politik yang diperlukan untuk pembaharuannya. Pelaksanaan *Vakayi Hayriye* sendiri merupakan hasil perancangan strategik yang teliti dengan memilih masa yang tepat untuk bertindak. Baginda menunggu sehingga mempunyai sokongan yang mencukupi dan menggunakan provokasi Janissari sebagai justifikasi untuk tindakan tegas pada tahun 1826 (Bicer 2022).

Faktor Penghapusan Kor Janissari dalam Ketenteraan Uthmaniyah

Penghapusan Kor Janissari oleh Sultan Mahmud II pada tahun 1826 merupakan langkah reformasi ketenteraan yang signifikan, didorong oleh pelbagai kelemahan struktural yang membelenggu institusi tersebut. Antara punca utama ialah kemerosotan moral dan disiplin dalam kalangan anggotanya, yang dahulunya dianggap sebagai pasukan elit dan menjadi tunjang kekuatan ketenteraan Uthmaniyah. Selain itu, penentangan berterusan terhadap pembaharuan serta pengaruh politik mereka yang semakin meluas telah mencetuskan ketidakseimbangan dalam struktur kuasa dan mengancam kestabilan kerajaan (Kia, 2017). Pada zaman kegemilangannya, Kor Janissari terkenal dengan keteguhan disiplin, kesetiaan mutlak kepada sultan serta kecekapan dalam strategi dan pertempuran. Namun, pada akhir abad ke-18M, reputasi ini mengalami kemerosotan yang ketara apabila disiplin mereka merosot, kesetiaan mula dipersoalkan, dan campur tangan dalam urusan politik semakin ketara, sekali gus mengubah imej asal pasukan ini secara menyeluruh.

Kemerosotan disiplin dalam Kor Janissari berlaku seiring dengan transformasi negatif dalam sistem pengambilan anggotanya. Pada peringkat awal, struktur Kor ini berpaksikan sistem *devshirme*, iaitu satu mekanisme pemilihan yang terancang dan sistematik yang merekrut pemuda bukan Islam, yang kemudiannya dilatih secara ketat untuk berkhidmat dengan kesetiaan penuh kepada Sultan. Namun, apabila sistem ini dilonggarkan dan akhirnya dimansuhkan, keanggotaan Kor Janissari terbuka kepada anak-anak bekas anggota serta individu yang tidak

menjalani proses latihan formal, sekali gus menyebabkan kemerosotan dalam ketenteraan kerajaan Uthmaniyah (Sunar, 2022). Keadaan ini turut menyumbang kepada kemerosotan profesionalisme Kor Janissari apabila mereka semakin terlibat secara bebas dan tidak terkawal dalam bidang ekonomi, politik, dan sosial. Menurut Griffiths (2016), transformasi ini telah mengubah Kor Janissari daripada sebuah institusi ketenteraan yang tersusun kepada kumpulan berkepentingan yang oportunis, yang sering menggunakan pengaruh dan kekuatan mereka untuk mencampuri urusan pentadbiran serta menentang sebarang bentuk pembaharuan yang mengancam kedudukan mereka.

Selain itu, penolakan terhadap inisiatif pembaharuan oleh Kor Janissari menjadi antara faktor utama yang menghalang usaha pemodenan angkatan tentera Uthmaniyah. Penentangan keras mereka terhadap sistem *Nizam-i Cedid* yang diperkenalkan oleh Sultan Selim III jelas menunjukkan ketidakmampuan institusi tersebut menyesuaikan diri dengan keperluan zaman (Çelik, 2018). Sistem tersebut merangkumi pelbagai pembaharuan ketenteraan yang diilhamkan daripada model Eropah, termasuk sistem latihan moden, penggunaan teknologi persenjataan seperti senjata api dan artileri moden, serta penstrukturan semula organisasi ketenteraan. Namun, reaksi Kor Janissari sangat agresif kerana mereka melihat pembaharuan ini sebagai ancaman langsung terhadap kuasa dan keistimewaan tradisional yang mereka nikmati. Akibatnya, Sultan Selim III bukan sahaja gagal dalam usahanya, malah digulingkan dan dibunuh dalam satu pemberontakan yang dipimpin oleh Kabakçı Mustafa (Bouquet, 2015).

Kebangkitan mereka bukanlah sesuatu yang asing dalam sejarah Uthmaniyah. Sejak abad ke-17M, Kor Janissari telah beberapa kali terlibat dalam pemberontakan bersenjata, termasuk dalam urusan pelantikan dan penyingkiran sultan. Hal ini menjadikan mereka bukan sahaja liabiliti ketenteraan, malah satu ancaman politik yang merosakkan asas kekuasaan diraja (al-Muḥāmī, 2018). Mereka sering memanipulasi kuasa untuk mengekalkan kedudukan dalam hierarki sosial dan ekonomi seperti memonopoli perdagangan di kota, terlibat dalam kegiatan rasuah serta mempergunakan pengaruh ketenteraan untuk kepentingan peribadi.

Akhirnya, Sultan Mahmud II menyedari bahawa sebarang usaha untuk memodenkan Kerajaan Uthmaniyah tidak akan berjaya selagi institusi Janissari terus wujud dalam kancah pentadbiran dan ekonomi. Oleh itu, pada tahun 1826, satu langkah drastik dikenali sebagai *Vakayî Hayriye* telah dilaksanakan iaitu Kor Janissari ditumpaskan secara kekerasan yang melibatkan persenjataan, markas mereka dibakar, dan ribuan anggotanya dibunuh atau ditangkap (Bicer, 2022). Langkah ini bukan sahaja menghapuskan ancaman utama terhadap pembaharuan ketenteraan, malah membuka jalan kepada pembentukan sebuah angkatan tentera moden yang lebih teratur dan responsif terhadap cabaran semasa yang dikenali sebagai *Asakir-i Mansure-i Muhammediye*.

Pembentukan Asakir-i Mansure-i Muhammediye

Pembentukan *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* merupakan suatu langkah penting dalam sejarah reformasi ketenteraan Uthmaniyah yang berlaku susulan penghapusan Kor Janissari pada tahun 1826M (Sahin, 2019). Penubuhan pasukan ini bukan sahaja merupakan usaha pembaharuan institusi ketenteraan, malah turut mencerminkan perubahan paradigma dalam gaya pemerintahan Sultan Mahmud II, khususnya dalam menstruktur semula kuasa ketenteraan yang selama ini didominasi oleh kelompok konservatif (Turan, 2024). Kor Janissari yang asalnya berperanan sebagai benteng utama kerajaan, telah berubah menjadi institusi yang regresif serta anti-pembaharuan, termasuk penentangan terhadap usaha modenisasi yang diperkenalkan oleh Sultan Selim III menerusi gagasan *Nizam-i Cedid* (Yılmaz, 2024; Hashim & Rozali, 2014). Kemuncak penentangan ini membawa kepada berlakunya peristiwa *Vaka-i Hayriye* pada 15 Jun 1826M, iaitu tindakan tegas Sultan Mahmud II yang menyaksikan ribuan anggota Janissari dihapuskan, sekali gus membuka laluan bagi pembentukan satu pasukan ketenteraan baharu yang lebih moden dan teratur.

Beberapa minggu selepas peristiwa tersebut, Sultan Mahmud II telah mengisytiharkan penubuhan pasukan ketenteraan baharu yang dikenali sebagai *Asakir-i Mansure-i Muhammediye*, pada 7 Julai 1826M. Nama ini dipilih secara simbolik berdasar unsur keislaman dan semangat reformasi dalam satu entiti ketenteraan yang baharu. Pasukan ini dirancang sebagai satu angkatan tetap yang diorganisasi berdasarkan prinsip-prinsip ketenteraan Barat, khususnya berasaskan model Perancis dan Prusia (Gökçe, 2017). Pada peringkat awal, struktur organisasi tentera ini merangkumi lapan unit asas yang dinamakan *tertib*, dan setiap *tertib* terdiri daripada sekitar 1,500 anggota (Çil, 2013). Unit-unit ini kemudiannya dibahagikan kepada *saf* yang lebih kecil, dengan struktur hierarki dan pangkat yang lebih tersusun. Menjelang tahun 1828M, reformasi terminologi turut dilaksanakan apabila istilah *tertib* digantikan dengan *alay*, manakala *saf* digantikan dengan *bölük*. Dalam masa yang sama, pangkat-pangkat seperti *miralay*, *kaymakam*, *ferik*, dan *müşir* turut diperkenalkan bagi menyelaraskan sistem komando dengan keperluan semasa.

Selain daripada aspek struktur organisasi, elemen latihan dan pendidikan tentera turut diberikan perhatian serius oleh Mahmud II. Bagi menjamin keberkesanan latihan, pegawai-pegawai ketenteraan dari Eropah dijemput untuk berkhidmat sebagai jurulatih, manakala manual latihan ataupun *talimnameler* disusun secara sistematik. Malah, sebilangan pegawai muda dihantar ke pusat latihan ketenteraan di Paris, Vienna, dan Berlin bagi mendapatkan pendedahan langsung terhadap teknik dan strategi peperangan moden (Tükenmez, 2023). Di peringkat tempatan pula, institusi pendidikan ketenteraan seperti *Mekteb-i Harbiye* telah ditubuhkan pada tahun 1834M, manakala *Imperial Military School of Medicine* ditubuhkan lebih awal, iaitu pada tahun 1827M, bagi melahirkan tenaga perubatan tentera yang terlatih (Aksu, 2019). Langkah-langkah ini mencerminkan komitmen kerajaan Uthmaniyah dalam membina satu angkatan tentera yang bukan sahaja profesional, tetapi juga berdaya saing dalam konteks geopolitik serantau yang semakin mencabar.

Dari segi dasar pengambilan dan perkhidmatan, *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* mengamalkan pendekatan pengambilan secara sukarela dalam kalangan lelaki berumur antara 15 hingga 30 tahun, dengan tempoh perkhidmatan tetap selama 12 tahun (Gökçe, 2017). Anggota yang cedera atau tamat perkhidmatan diberikan pencen, iaitu satu bentuk jaminan sosial yang tidak terdapat dalam sistem ketenteraan sebelumnya. Inisiatif ini bukan sahaja menamatkan amalan ketenteraan tradisional seperti sistem *devşirme* dan *timar*, bahkan turut memperkukuh asas profesionalisme dalam institusi ketenteraan Uthmaniyah. Selain itu, institusi *Seraskerlik* telah ditubuhkan sebagai pusat komando dan pentadbiran ketenteraan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan logistik, pelantikan pegawai, latihan serta perancangan operasi secara lebih sistematik dan berpusat (Özcan, 1991). Seiring dengan perkembangan zaman, *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* berkembang menjadi pasukan ketenteraan utama Uthmaniyah. Menjelang tahun 1877M, kekuatan anggotanya dianggarkan mencecah 350,000 orang, dan pada awal abad ke-20M, jumlah ini meningkat melebihi satu juta anggota (Zürcher, 2024). Pada tahun 1843M, pasukan ini telah menerima penjenamaan semula sebagai *Asakir-i Nizamiye-i*, yang menandakan tahap kematangan serta institusionalisasi yang tinggi (Özbek, 2008). Malah, struktur dan pengalaman yang dibina melalui pasukan ini akhirnya menjadi asas kepada pembentukan Angkatan Tentera Turki moden selepas kejatuhan Uthmaniyah.

Secara tuntas, pembentukan *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* mencerminkan satu bentuk transformasi radikal dalam sejarah ketenteraan Uthmaniyah. Ia bukan sekadar penubuhan sebuah pasukan tentera baharu, tetapi merupakan simbol keberanian politik serta kematangan visi reformasi Sultan Mahmud II (Toman & Yavuz, 2023). Melalui pemodenan struktur organisasi, latihan, sistem pengambilan serta pentadbiran, pasukan ini telah membawa dimensi baharu kepada kekuatan ketenteraan kerajaan dan meletakkan asas yang kukuh bagi pembangunan ketenteraan moden dalam dunia Islam dan serantau. Oleh yang demikian, menurut Fahmy (1998), langkah tersebut memberikan inspirasi kepada pembaharuan ketenteraan di wilayah-wilayah lain yang berada di bawah pengaruh Uthmaniyah seperti Mesir, Hijaz dan Balkan. Walaupun pada masa yang sama, Hijaz terperangkap dalam konflik antara Mesir dan Kerajaan Uthmaniyah

susunan penglibatan Muhammad Ali Pasya, Gabenor Uthmaniyah di Mesir (1805-1848) (Isa & Ismail, 2024). Namun demikian, transformasi tersebut tetap menjadi model kepada negara-negara Islam lain yang berusaha menyesuaikan struktur ketenteraan mereka dengan tuntutan semasa tanpa mengabaikan identiti dan nilai tempatan. Oleh itu, penubuhan *Asakir-i Mansure-i Muhammediye* bukan sahaja merupakan transformasi ketenteraan bersifat dalaman, tetapi juga manifestasi kesungguhan Uthmaniyah untuk mengekalkan kedaulatan dan maruahnya di tengah-tengah landskap dunia yang semakin mencabar pada abad ke-19 (Stephanov, 2019).

Kesan Sosial, Geopolitik dan Pemodenan Ketenteraan Uthmaniyah

Penghapusan Kor Janissari membawa kesan yang amat mendalam terhadap struktur masyarakat Kerajaan Uthmaniyah dari aspek sosial. Golongan yang sebelum ini menikmati perlindungan dan peluang ekonomi di bawah naungan Kor Janissari, seperti pedagang kecil, penjaja, serta para artisan yang terlibat dalam jaringan ekonomi ketenteraan, terpaksa menyesuaikan diri dengan sistem baharu yang lebih menekankan profesionalisme, meritokrasi dan pemusatan kuasa di bawah institusi negara moden (Elibol, 2009). Sultan Mahmud II mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan kesinambungan sosial dan mengelakkan kekosongan kuasa selepas penghapusan Kor Janissari antaranya melalui penubuhan pasukan pengawasan komuniti serta badan keselamatan tempatan yang bertujuan mengawal kestabilan bandar-bandar utama (Sunar, 2022).

Pandangan Shaw dan Shaw (1977) menyingkap reformasi ini bukan sahaja meningkatkan kawalan negara terhadap masyarakat, malah turut membuka ruang kepada pembentukan sistem sosial yang lebih teratur dan berasaskan prinsip pentadbiran moden. Sultan Mahmud II menggunakan momentum ini untuk memperkenalkan pelbagai pembaharuan sosial, termasuk penambahbaikan sistem pendidikan awam, pengukuhan peranan birokrasi, serta pengenalan nilai-nilai baharu seperti rasionalisme, disiplin, dan kecekapan dalam urus tadbir (Yaycioglu, 2016). Dalam hal ini, keberanian Mahmud II untuk membongkar sistem lama yang berakar umbi dalam struktur tradisional dan feudalisme memberi ruang kepada kemunculan masyarakat Uthmaniyah yang lebih terbuka, dinamik, serta berorientasikan perubahan dan pembangunan.

Dari aspek geopolitik, Ağoston (2011) dan Sunar (2022) pemodenan ketenteraan yang dilaksanakan telah memberikan kelebihan strategik kepada Kerajaan Uthmaniyah dalam menghadapi cabaran daripada kuasa-kuasa besar Eropah seperti Rusia, Austria dan Britain. Proses pemodenan ini tidak hanya melibatkan penggantian struktur lama, tetapi turut meliputi pembangunan institusi-institusi ketenteraan baharu seperti akademi ketenteraan seperti *mekteb-i harbiye* untuk melatih pegawai dan komander berdasarkan ilmu sains ketenteraan moden dari Eropah Menurut (Güney & Onhan, 2020). Tambahan pula, kerajaan turut memperkenalkan sistem pengambilan rekrut secara profesional dan terancang, menggantikan sistem warisan keturunan dan perlindungan politik yang diamalkan oleh Kor Janissari.

Penggunaan teknologi ketenteraan moden seperti senjata api, artileri berat, serta taktik peperangan berasaskan prinsip sains dan disiplin Barat telah membolehkan angkatan tentera Uthmaniyah bersaing semula dengan kekuatan ketenteraan kuasa Barat (Sahin, 2019). Langkah-langkah ini bukan sahaja memperkukuhkan pertahanan wilayah Uthmaniyah, malah memberi isyarat jelas kepada dunia luar bahawa kerajaan tersebut masih relevan dalam sistem kuasa antarabangsa. Transformasi ini turut memberi impak besar terhadap hubungan diplomatik Uthmaniyah khususnya dalam usaha meyakinkan negara-negara Eropah tentang kemampuan Uthmaniyah untuk menyesuaikan diri dengan realiti politik baharu serta mempertahankan kestabilan serantau (Stephanov, 2019).

Dalam jangka masa panjang, Transformasi ketenteraan ini memberi kesan yang pelbagai terhadap kelangsungan dan kesinambungan Kerajaan Uthmaniyah (Toprak, 2023). Pertama, ia mengukuhkan kuasa pusat dengan menghapuskan ancaman dalaman yang wujud dalam bentuk Kor Janissari sebagai kuasa autonomi yang kerap mencabar autoriti sultan. Kedua, ia membina

keupayaan strategik yang lebih mantap bagi menghadapi cabaran luaran dan mempertahankan integriti wilayah kerajaan. Ketiga, dan mungkin yang paling penting, reformasi ini membuka jalan kepada gelombang pembaharuan yang lebih menyeluruh dalam era Tanzimat (1839-1876), yang melibatkan pelbagai bidang termasuk perundangan, pendidikan, kewangan, dan pentadbiran.

Kesan-kesan ini turut dirasai dalam aspek kesihatan awam dan infrastruktur sosial. Dalam monteks ini, Tulasoğlu (2021) mengemukakan bagaimana usaha pemodenan yang dijalankan di wilayah Salonica telah menyaksikan penubuhan sistem kuarantin moden yang berfungsi dalam mengawal wabak serta memastikan kesihatan awam terpelihara. Inisiatif ini bukan sahaja menyumbang kepada kestabilan sosial, malah menandakan perubahan pendekatan negara terhadap kesejahteraan rakyat. Justeru, dapat dirumuskan bahawa reformasi ketenteraan era Mahmud II tidak terhad kepada aspek ketenteraan semata-mata, tetapi menjadi asas kepada sebuah projek pembinaan negara moden Uthmaniyah yang lebih inklusif, rasional, dan tersusun.

KESIMPULAN

Penghapusan Kor Janissari menerusi peristiwa *Vakayi Hayriye* merupakan detik penting dalam sejarah reformasi Kesultanan Uthmaniyah yang menandakan permulaan transformasi ketenteraan, sosial dan politik secara menyeluruh. Tindakan berani Sultan Mahmud II bukan sahaja berjaya menamatkan pengaruh institusi ketenteraan yang telah menjadi penghalang kepada arus pembaharuan, malah membuka jalan kepada pembinaan semula kekuatan ketenteraan berasaskan profesionalisme, disiplin moden dan penggunaan teknologi Barat menerusi penubuhan *Asakir-i Mansure-i Muhammediye*. Reformasi ini turut memperlihatkan kebijaksanaan Mahmud II dalam mengadaptasi elemen-elemen *Nizam-i Cedid* seperti latihan berstruktur dan pendekatan pentadbiran moden, meskipun sistem asalnya pernah digagalkan oleh tentangan Janissari. Lebih penting, perubahan yang dilaksanakan telah menyingkirkan golongan konservatif yang anti-reformasi, sekaligus memberi laluan kepada kemunculan kelas birokrat muda yang berfikir rasional dan berpendidikan, memperkukuh meritokrasi dalam pentadbiran kerajaan. Implikasi reformasi ini bukan sahaja meningkatkan kestabilan dalaman dan kredibiliti Uthmaniyah di peringkat antarabangsa, malah menjadi asas penting kepada kelangsungan agenda pemodenan negara dalam era Tanzimat. Justeru, reformasi Sultan Mahmud II harus dinilai sebagai satu usaha strategik dan berwawasan yang berjaya merombak struktur lapuk serta membina semula asas pemerintahan yang lebih lestari, progresif dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran dunia moden. Malahan, melalui pendedahan hubungan antara reformasi institusi, transformasi sosial dan strategi politik yang bersifat transnasional, membolehkan pemahaman lebih mendalam mengenai dinamik ketenteraan dan tadbir urus Uthmaniyah membentuk corak perubahan serantau, serta menyediakan perspektif baru dalam menilai interaksi antara tradisi dan inovasi di dunia Asia Barat.

RUJUKAN

- Ágoston, G. (2011). Military Transformation in the Ottoman Empire and Russia, 1500-1800. *Kritika: Explorations in Russian and Eurasian History*, 12(2), 281-319.
- Aksan, V.H. (2007). *Ottoman Wars, 1700-1870: An Empire Besieged*, London: Routledge.
- Aksu, A. (2019). Mekteb-i Harbiye Nazırı Miralay Azmi Bey'in Yabancı Kaynaklar Bağlamında Hayatı ve Faaliyetleri. *The Journal of International Social Research*, 12(68), 795-806.
- Bicer, R.H. (2022). Vakayi Hayriye Sonrası Bazı Yeniçeri Faaliyetleri ve Alınan Önlemler. IV. *Uluslararası Türklerin Dünyası Sosyal Bilimler Sempozyumu*, 17 Disember 2020.
- Bouquet, O. (2015). Selim III, Social Control and Policing in Istanbul at the End of the Eighteenth Century: Between Crisis and Order, written by Betül Başaran. *Arabica*, 62(5-6), 750-752.

- Çelik, Y. (2018). II. Mahmud Devrinde İdari-askeri bir Üs: Rami Kışlası. *Türk Kültürü İncelemeleri Dergisi*, 52(52), 227-266.
- Çil, H. (2013). İslâm Tarihinde İlk Düzenli Ordunun Kuruluşu. *İnsan ve Toplum Bilimleri Araştırmaları Dergisi*, 2(3), 78-108.
- Elibol, A. (2009). Yeniçeriler ve İktidar Bağlamında Osmanlı Sisteminin Dönüşümü. *Gazi Akademik Bakış*, 3(5), 21-40.
- Fahmy, K. (1998). The era of Muhammad 'Ali Pasha, 1805-1848. In C.F. Petry and M.W. Daly (Eds.). *The Cambridge history of Egypt*, Vol. 2. (pp 139-179). Cambridge: Cambridge University Press.
- Gökçe, E. (2017). *Asakir-i Mansure-i Muhammediye Ordusuna Asker Alımı (Hamid Sancağı ve Isparta Örneği)*. 6(4), 191-213.
- Griffiths, R. (2016). Military modernization in the Ottoman Empire, 1800-1850. *Military History Quarterly*.
- Guney, T. & Onhan, M.E. (2020). Abolition of Janissary Corps and Socioeconomic Reflections. *Balkan & Near Eastern Journal of Social Sciences*, 6(2).
- Hashim, S.N.I. & Rozali, E.A. (2014). *Era Pembaharuan Kerajaan Uthmaniyah pada Abad ke-19 Masehi*. *International Journal of West Asian Studies*, 6(1), 49-62.
- Ibrahim, L. & Rozali, E.A. (2017). *Kecekapan Tadbir Urus Ketenteraan dan Pertahanan Era Pentadbiran Nabi Muhammad S.A.W*. *International Journal of West Asian Studies*, 9(1), 39-56.
- Isa, N.A.M. & Ismail, N.K. (2024). Konflik dalam Naratif Hubungan Geopolitik Antara Hijaz, Kerajaan Uthmaniyah dan British pada Abad Ke-19 dan 20. *International Journal of West Asian Studies*, (16), 129-145.
- Karahan, A.Y. (2022). Osmanlı Denizcilik Teknolojisinin Modernizasyonuna Yönelik Atılan bir Adım: II. Mahmud Döneminde Tersane-i Amire'de "Havz-ı Cedîd" İnşası. *Vakanüvis Uluslararası Tarih Araştırmaları Dergisi*, 7(1), 145-184.
- Kia, M. (2017). *The Ottoman Empire: A Historical Encyclopedia*, Vol. 2. California: ABC-CLIO.
- Mughni, F.A.Z., Rozali, E.A. & Jamsari, E.A. (2023). Transformasi Armada al-'Uthmaniyyah di Bawah Pimpinan Hayreddin Barbarossa pada Abad ke-16M. *International Journal of West Asian Studies*, (15), 57-71.
- al-Muḥāmī, Muhammad Farid Bek (2018). *Tārīkh al-Dawlah al-'Ulyā al-'Uthmānīyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Nuridin, F. (2022). Pengaruh Hadis dan Kekuatan Spiritual terhadap Sultan Muhammad Al-Fatih dalam Penaklukan Konstantinopel. *Jurnal Ilmiah Al-Mu'ashirah*, 19(2), 198-209.
- Özbek, N. (2008). Policing the Countryside: Gendarmes of the late 19th-century Ottoman Empire (1876-1908). *International Journal of Middle East Studies*, 40(01), 47-67.
- Özcan, A. (1991). *Asâkir-i Mansûre-i Muhammediyye*. In Türkiye Diyanet Vakfı İslâm Ansiklopedisi, vol. 3 (pp. 457-458). İstanbul: Türkiye Diyanet Vakfı.
- Philippides, M. (2020). The Date of the Conquest of Constantinople: May 29, 1453. *Istanbul Research Institute*, 2(1), 197-199.
- Qi, H. (2022). The Devshirme System in the Ottoman Empire. *SHS Web of Conferences*, 148, 03029.
- Sahin, A.N.E. (2019). An Assessment of the Employed Foreign Experts of Asakir-i Mansure-i Muhammediye. *Turkish Studies*, 10(38), 1212-1220.
- Sarıköse, S.T. (2017). Establishment of the Mukhtar Organization in Safranbolu During the Reign of Sultan Mahmud II. *Journal of History Culture and Art Research*, 6(3), 337-357.
- Shaw, S.J. & Shaw, E.K. (1977). *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey: Vol. 2. Reform, Revolution, and Republic: The Rise of Modern Turkey, 1808-1975*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Stephanov, D.N. (2019). *Ruler Visibility and Popular Belonging in the Ottoman Empire, 1808-1908*. Edinburgh: Edinburgh University Press.

- Sunar, M.M. (2022). Chasing Janissary Ghosts: Sultan Mahmud II's Paranoia About a Janissary Uprising After the Abolition of the Janissary Corps. *Tarih ve Coğrafya Araştırmaları Dergisi*, 8(1), 145-168.
- Toman, M. & Yavuz, F. (2023). Inevitable Choice for Survival: The Last Ottoman Grand Strategy. *Gazi Akademik Bakış Dergisi (GABD)*, 17(33), 187-206.
- Toprak, V. (2023). Reforming the Ottoman State: State Narratives in the Struggle for Legitimacy. Prosiding Annual Meeting of the Social Science History Association (SSHA), Chicago, IL, United States.
- Tükenmez, K.Ö. (2023). Prusya ve Osmanlı Devleti'nin Ordu ve Askeri Eğitimlerinde Modernleşme Çabaları İle Osmanlı Askeri Eğitimi Üzerinde Prusya Etkisi. *Selçuk Üniversitesi Türkiyat Araştırmaları Dergisi*.
- Tulasoğlu, G. (2021). Local Reform, Horizontal Modernization: The Implementation of Quarantine in Ottoman Thessaloniki During the Early Tanzimat Period. *Journal of History*, 56(56), 97-142.
- Turan, A. (2024). 1830-1831 Arnavutluk İsyanlarının Bastırılmasında Asakir-i Mansure-i Muhammediye'nin Rolü. *Hacettepe Üniversitesi Türkiyat Araştırmaları Dergisi (HUTAD)*, 111-130.
- Yılmaz, S. (2024). Sultan'ın Mutlakiyeti ve Müttefikleri: Nizam-ı Cedid Dönemi Üzerine bir İnceleme. *Mavi Atlas*.
- Zürcher, E.J. (2024). Army reform in the Ottoman Empire. In H.E. Chehabi and D. Motadel (Eds.). *Unconquered States: Non-European Powers in the Imperial Age* (pp 73-83) Oxford: Oxford University Press.